

5 Baca pernyataan di bawah dengan telitinya. Nyatakan peribahasa yang sesuai dengan pernyataan yang diberikan.

- (i) Encik Amin merupakan seorang usahawan yang berjaya suatu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, sejak tahun lepas perniagaannya mulai merosot kerana dia kehilangan banyak pelanggan. Kini, Encik Amin dibelenggu hutang.
- (ii) Saidin hanyalah tukang kebun di sekolah itu. Walau bagaimanapun, di luar dia berlagak seperti orang kaya. Dia berlagak sedemikian kerana dia berangan-angan untuk menjadi jutawan.
- (iii) Murid kelas itu sangat mengecewakan guru mereka. Jika tidak disuruh mereka tidak akan melakukan tindakan yang diarahkan. Sekali arah sekali buat.

[6 marks]

Bahagian B: Pemahaman

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Human Immunodeficiency Virus (HIV) ialah virus yang menyerang sistem tubuh manusia sehingga tidak berdaya untuk melawan serangan penyakit. Transmisi jangkitan HIV boleh berlaku melalui darah atau cecair badan yang tercemar seperti perkongsian jarum suntikan dalam kalangan penagih dadah, daripada ibu kepada anak semasa mengandung, proses kelahiran atau penyusuan ibu. Berpunca daripada individu, penyakit ini boleh disebarluaskan. Kes HIV pertama di Malaysia berlaku pada tahun 1986. Semasa awal wabak tersebut melanda, kes HIV banyak melibatkan penagih yang mengambil dadah melalui suntikan dan berkongsi jarum suntikan. Pembawa HIV biasanya *kelihatan sihat* dan tidak menyedari diri mereka dijangkiti virus tersebut kerana virus ini biasanya mengambil masa beberapa tahun untuk melumpuhkan sistem ketahanan tubuh sehingga mereka jatuh sakit dan menjadi pesakit AIDS.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Hari AIDS Sedunia: Apa Peranan Kita?' oleh Lailatul Hafiza Abdul Rashid, Pusat Media dan Perhubungan Awam, USM

Bahan 2

Demam malaria bukanlah penemuan baharu. Walau bagaimanapun, wabak ini mungkin semakin kurang diperkatakan dalam kalangan masyarakat negara ini berbanding dengan demam denggi, chikungunya dan zika. Jangan sesekali memandang remeh terhadap malaria kerana seperti mana-mana penyakit berjangkit yang lain, penyakit ini cuma memerlukan satu sumber dan satu pesakit untuk menjadi wabak besar. Malaria ialah penyakit yang seangkatan dengan denggi, chikungunya, untut dan zika dari segi penyebarannya kerana disebarkan melalui vektor tertentu, terutamanya nyamuk. Vektor penyebab bagi penyakit malaria ialah nyamuk betina spesies *Anopheles* (tiruk). Perkataan malaria sendiri berasal daripada bahasa Itali kuno yang bermaksud udara buruk kerana penyakit ini dikaitkan dengan kawasan paya dan berair (tempat pembiakan nyamuk). Malaria dipercayai mula menjangkiti manusia sejak lebih 50,000 tahun lalu dengan beberapa spesies parasit yang masih boleh ditemui dalam cimpanzi.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Usah Pandang Remeh Malaria' oleh Siti Nadirah Hafidzin, *Harian Metro*, April 2018

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa *kelihatan sihat*. [2 markah]

(ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan persamaan dan perbezaan cara penyebaran penyakit AIDS dan malaria. [3 markah]

(iii) Penyakit AIDS dan malaria boleh diatasi melalui langkah-langkah yang tertentu.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah tersebut? **KBAT** [3 markah]

(iv) Kawan anda mengalami simptom penyakit berjangkit tetapi dia enggan mendapatkan rawatan di klinik.

Sekiranya rakan anda tetap tidak mahu mendapatkan rawatan, nyatakan cara-cara yang akan anda lakukan untuk memastikan rakan anda mengubah fikirannya. **KBAT** [4 markah]

7 Baca bahan di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Nukilan buat Abah

Abah,
saat kami menukilkan bait-bait kata ini
abah sudah lama bersemadi
pulang ke negeri abadi
menghadap Ilahi.

Masih segar dalam ingatan
saat abah memberikan pengajaran
mengingatkan kami agar bersemangat
menggali ilmu tanpa penat
merealisasikan amanat
menggapai cita-cita penuh tekad.

Abah,
andai kami bisa mengundurkan masa
akan kami balas jasmu yang tidak terhingga
memberikan kasih sayang yang sentiasa diimpikan
ingin melihatmu tersenyum di muka pintu
menyambut kepulangan anak cucu
namun semuanya mustahil terlaksana
hanya doa yang mampu kami titipkan
buat abah yang tersayang.
Abah ... dirimu sentiasa dalam ingatan.

-ZAZA-

Bahan 2

Kepulangan anak-anak yang tidak dijangka begitu menggembirakan hati Pak Kassim yang sudah semakin uzur. Sama uzurnya dengan hutan rimba yang menjadi tapak rumah usangnya itu. Sudah lama dia tidak merasai kehangatan kasih sayang anak dan cucu yang memang sudah lama tidak pulang menjenguknya. Tapi hari ini semuanya seperti mimpi. Anak-anaknya yang sudah berjaya dalam bidang masing-masing berada di hadapannya. Ada pensyarah, akauntan, arkitek, pengurus bank dan ahli perniagaan. Terbit rasa bangga di jiwa tuanya. Dia bersyukur kerana berjaya menjalankan tanggungjawab sebagai seorang bapa. Menyekolahkan mereka sehingga cemerlang dalam pelajaran dan berjaya mencapai cita-cita yang diidamkan oleh mereka. Terbayang di fikiran, anak-anaknya kelihatan sungguh gagah dengan pakaian profesion masing-masing, segagah pohon di rimba yang pernah ditumbangkan oleh Pak Kassim dengan jentera besarnya. Dengan pendapatan Pak Kassim sebagai pemandu traktor itulah dia membiayai perbelanjaan keluarga dan juga persekolahan anak-anaknya.

(i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud frasa *menggali ilmu*. [2 markah]

(ii) Berdasarkan semua bahan yang diberikan, nyatakan harapan seorang ayah terhadap anak-anaknya. [4 markah]

(iii) Seseorang bapa tidak akan meminta-minta daripada anak-anak untuk menghargai segala pengorbanan yang telah dilakukan.

Pada pendapat anda, apakah perkara yang perlu dilakukan oleh anak-anak untuk menghargai jasa bapa mereka? 

[3 markah]

(iv) Salah seorang daripada adik-beradik anda mencadangkan agar bapa anda dihantar ke pusat jagaan warga emas. Dalam kalangan adik-beradik, ada yang bersetuju dan ada yang tidak bersetuju, termasuk anda. Anda rasa bersalah jika tindakan tersebut dilakukan.

Sebagai anak yang bertanggungjawab, bagaimanakah anda akan menyelesaikan masalah ini?  [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan yang berikut hendaklah berdasarkan novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.

- (i) Baca petikan novel di bawah dengan telitinya, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Usai membersihkan diri, ketika pintu bilik air kutolak, Ibu masih berdiri di situ ... Ibu pasti membantuku mengeringkan tubuhku dengan tuala di tangannya ... Ternyata ibu suka, ibu mengucup pipiku.

"Budak baik," kata ibu seraya mengusap-usap rambutku.

Dipetik daripada novel *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang dilakukan oleh ibu untuk memanfaatkan masa berkualiti bersama dengan anaknya?

[4 markah]

- (ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (a) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (b) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Nor
- (c) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (d) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (e) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (f) *Tirani* karya Bebi Sabariah
- (g) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca. 

[6 markah]